

BAB 3

4. KESAN MENTALITI PULAU(SHIMAGUNI KONJO) KE ATAS PERADABAN JEPUN

Peradaban Jepun kontemporari sesungguhnya telah mengambil bentuknya yang tersendiri terutamanya kerana kemampuan membentuk satu bangsa dan negara dengan ciri-cirinya yang khusus seperti mana yang telah dibincangkan terdahulu. Kekaguman terhadap Jepun sering dikaitkan dengan keupayaannya muncul sebagai kuasa ekonomi dari rantau Asia, mampu memberi saingan yang hebat kepada dominasi barat. Identiti unik peradaban Jepun hasil daripada identiti masyarakat Jepun yang sejati mula diterapkan. Keadaan ini membawa kemajuan dan perkongsian wawasan semangat berkumpul sekaligus menjadikan Jepun negara bangsa yang maju dalam era globalisasi. Keunikan Jepun boleh dilihat daripada pelbagai aspek, namun faktor yang penting di sebaliknya ialah mentaliti dan budaya mereka. Kedua-dua elemen ini telah mewarnai perkembangan peradaban kontemporari sejak zaman Meiji sehingga kini. Hasilnya melahirkan golongan korporat (ekonomi) bertaraf global (dari golongan samurai). Pemikiran mereka bersifat 'etnosentrisme' terbentuk hasil daripada pengaruh agama dan kepercayaan kuno datuk nenek mereka.

Budaya mereka pula adalah warisan yang telah diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi. Bersambung-sambung seperti suatu rantai yang panjang. Walaupun budaya ini tidak dapat mengelakkan pengaruh dari luar seperti dari China, namun pengaruh itu tidak dapat mendominasi ciri-ciri tradisi tempatan. Malahan budaya luar telah dapat diharmonikan dengan budaya tempatan yang akhirnya membentuk satu

budaya yang unik. Misalnya walaupun Konfusian dan Buddha telah masuk ke Jepun namun ia tidak pernah dianggap sebagai menggantikan agama Shinto. Ajaran-ajaran dari luar ini telah disesuaikan untuk memperkuat lagi Shinto. Pengekalan anutan agama Shinto, Buddha dan falsafah Konfusian seadanya. Demikian juga apabila mereka meniru tulisan 'Kanji' dari China, ia telah dijadikan asas pembentukan tulisan Jepun iaitu 'katakana' dan 'hiragana'. Adalah mustahil untuk menolak sepenuhnya pengaruh budaya popular barat tetapi Jepun mampu membuat pilihan yang terbaik untuk masyarakatnya. Mereka menerima ilmu pengetahuan dan teknologi barat tetapi menolak sebahagian besar elemen peradaban yang lain. Sistem pemerintahan beraja (Raja Berperlembagaan) masih dikekalkan. Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan jika nilai individualisme amat penting di barat, Jepun pula kekal dengan semangat berpasukan atau kolektifisme. Amalan budaya tradisi dikatakan telah banyak memberi sumbangan kepada pencapaian dan kejayaan Jepun. Ianya lebih sesuai diamalkan oleh masyarakat Jepun di Jepun. Bahasa dan tulisan Jepun menjadi halangan bagi masyarakat luar untuk berinteraksi dengan orang Jepun.

Ketegasan dan keberanian askar-askar Jepun dalam Perang Dunia dikatakan berpunca daripada tradisi kepahlawanan samurai. Kini semangat kepahlawanan samurai itu diterjemahkan pula ke dalam sektor pentadbiran dan perniagaan. Ia telah menyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang gigih dan dedikasi yang seterusnya mendorong kejayaan ekonomi Jepun. Namun dasar kerajaan dan sikap masyarakat Jepun masih dikongkong oleh Amerika dan sekutunya. Perkembangan peradaban Jepun kontemporari nampaknya banyak dibantu dan dipengaruhi oleh peradabannya yang silam.

Di sana terdapat falsafah, nilai, adat, dan tradisi yang mencerminkan keunikan masyarakat mereka.

Seringkali diperkatakan bahawa adalah menjadi suatu kesulitan bagi kebanyakan peradaban moden untuk mempertahankan budaya tradisi ini sebagai amalan dalam masyarakatnya. Di kebanyakan negara pemodenan bererti pembaratan. Banyak nilai-nilai tradisi yang telah pupus daripada diamalkan kerana disifatkan sebagai ketinggalan zaman. Dalam soal inilah, Jepun menjadi agak istimewa kerana kemampuannya mempertahankan apa yang agak sukar untuk dipertahankan oleh orang lain. Walaupun mereka juga kini sedang menghadapi masalah kepupusan dan hakisan budaya namun tidak dapat dinafikan bahawa sehingga kini faktor budaya tradisi inilah yang telah banyak menyumbang kepada kejayaan yang dicapai. Menurut pandangan Cik Yurichi Achida, guru Bahasa Jepun, orang-orang Jepun sangat selesa dengan sifat mentaliti pulau, namun mereka tidak dapat mempraktikkan mentaliti itu sepenuhnya di sini disebabkan suasana yang berbeza. Mentaliti Pulau (Shimaguni Konjo) masyarakat Jepun boleh dijadikan 'role model' dan pemangkin kepada kemajuan peradaban dunia.

4.1 KESAN SOSIO EKONOMI DAN POLITIK

4.1.1 Aspek Sosial

Jepun merupakan sebuah peradaban yang unik yang seringkali tidak difahami oleh masyarakat luar. Mereka merasakan diri mereka terpisah di dalam sebuah negara kepulauan. Ini menyebabkan rakyatnya terpisah dari pengaruh luar. Rakyat Jepun lebih

cenderung untuk menonjolkan 'keterasingan' bangsa mereka berbanding keinginan untuk menonjolkan ciri-ciri kesamaan dengan bangsa lain.⁶⁹

Dari keadaan keterasingan ini wujud pula sifat dualisme dalam kehidupan seharian. Sikap aneh ini tidak terdapat dalam peradaban lain. Sebagai contoh, timbul sikap 'honne' dan 'tatamae'. Honne adalah luahan sikap rasmi yang mewakili kumpulan manakala tatamae pula merupakan sikap individu tatkala berinteraksi dengan orang ramai.

Tingkah laku orang Jepun dipengaruhi oleh kesedaran mereka terhadap susunan dan kedudukan setiap orang dalam perkumpulan menurut umur, status sosial dan pertimbangan lain. Mereka memberi penekanan terhadap perhubungan meragak (vertical relationship) ini berdasarkan kesetiaan kepada kumpulan serta perasaan sebagai ahli dalam satu kumpulan.⁷⁰

Berlaku juga beberapa langkah yang diambil oleh bangsa Jepun untuk menghadapi krisis sosial dengan menggunakan agama sebagai jalan penyelesaian. Ini jugalah yang menggalakkan lagi pertumbuhan agama-agama baru selepas perang dunia kedua. Agama-agama lain iaitu Shinto dan Buddhisme masih lagi mengekalkan ajaran dan amalan asas yang statik dan telah kehilangan relevannya dengan keadaan terkini bangsa Jepun. Ditambah dengan keperluan kewangan oleh pihak kuil Shinto dan Buddhisme memaksa mereka untuk menguruskan perayaan sebagai nilai komersil serta

⁶⁹ Nippon: The Island and Its People, 1984, hlm. 323.

⁷⁰ Ibid, hlm. 323

mengadakan aktiviti yang membolehkan mereka memperoleh kewangan seperti kelas-kelas upacara teh, ikebana dan lain-lain.⁷¹

Buddhisme biasanya dirujuk sebagai agama “tanah perkuburan” kerana kebanyakan orang Jepun berhubungan dengan agama ini apabila perlu mengadakan upacara kematian dan upacara mengingati hari kematian. Buddhisme juga memainkan peranan utama di dalam bidang pendidikan. Sejak Buddhisme memasuki Jepun kuil-kuil yang bukan sahaja merupakan institusi-institusi agama tetapi juga pusat pengajian. Sebelum kerajaan Meiji menubuhkan sistem pendidikan awam, pendidikan dasar di Jepun dikendalikan oleh sekolah-sekolah rakyat (*terakoya*) di bawah kelolaan kuil-kuil Buddhisme. Pembaharuan yang terbesar semasa pemerintahan Meiji adalah membentuk agama dan pendidikan pasca-restorasi Jepun kontemporari. Teknik mencetak, penggunaan almanac dan ubat-ubatan cina adalah di antara kemahiran-kemahiran yang dibawa oleh Buddhisme. Malah, adat minum the juga datang ke Jepun melalui Zen. Etika-etika menurut ajaran konfusian amat penting di dalam kehidupan orang Jepun pada zaman moden untuk mempertahankan diri mereka daripada pengaruh-pengaruh asing yang mungkin tidak sesuai untuk budaya mereka. Konsep lima jenis perhubungan antara manusia diperlukan dan Jepun bernasib baik kerana ajaran ini masih lagi kekal di dalam pemikiran dan kehidupan orang Jepun. Perubahan sosial yang disebabkan oleh perubahan struktur industri hasil dari kemajuan teknologi mungkin bahawa gejala-gejala perubahan kepada sikap. Bagi orang Jepun mereka masih lagi merujuk kepada pandangan orang

⁷¹ Azhar Hj Md Aros et. all. Titas Kertas II, Fajar Bakti Sdn, Bhd., Shah Alam, 2000, hlm. 264

ramai dan perhubungan sesama manusia di dalam komuniti. Keadaan ini akan menghalang perubahan yang keterlaluan di dalam peradaban orang Jepun.⁷²

Sumbangan institusi agama yang paling penting di Jepun pada masa kini ialah ia memberi sokongan kepada orang Jepun yang kesunyian, mereka digalakkan untuk datang ke perjumpaan keagamaan dan berbincang mengenai masalah mereka. Di sini mereka akan berasa bahawa diri mereka diambil berat dan dihargai. Selain itu institusi agama-agama juga digunakan untuk memohon permintaan seperti lulus peperiksaan dan kenaikan pangkat. Seolah-olah terdapat satu garisan sempadan yang kabur di antara kehidupan sekular dan agama di dalam kehidupan orang Jepun.

4.1.2 Aspek Politik

Perlembagaan Meiji yang diisytiharkan pada 11 Februari 1889, dalam perlembagaan tersebut dinyatakan “maharaja adalah satu ketua empayar, bergabung di dalam dirinya hak-hak memerintah dan menjalankan pemerintahan berdasarkan perlembagaan”. Terdapat kenyataan maharaja bahawa “kuasa ini kami warisi daripada nenek moyang kami”, di dalam artikel 3 pula dinyatakan “maharaja adalah suci dan tidak boleh ditentang”. Dengan adanya kenyataan ini jelaslah bahawa terdapat unsur-unsur pengaruh agama Shinto di dalam pemikiran orang Jepun dari aspek politik. Kesetiaan dan ketaatan kepada negara begitu kuat tertanam di dalam diri orang Jepun, walaupun semasa pendudukan Amerika Syarikat, ideologi ini dihapuskan. Pemikiran orang Jepun telah terbentuk dengan kenyataan bahawa mereka harus memberi kesetiaan sepenuh hati

⁷² www.Guide to Japan.Com / Festivals.Japan.htm

kepada negara dan memberi sumbangan kepada bangsa dan negaranya adalah di dalam bidang ekonomi.⁷³

Maharaja merupakan pemimpin negara yang menguasai kerajaan dan ketenteraan serta berfungsi sebagai ketua bangsa dan agama. Ini adalah berikutan daripada kepercayaan bahawa maharaja itu adalah Tuhan dan mempunyai kuasa terhadap segala bidang. Setelah membincangkan sumbangan-sumbangan agama, kita perlu mempertimbangkan akan erti sumbangan ini. Sekiranya kita memberi pujian terhadap sumbangan agama di dalam membangunkan negara Jepun, agama juga perlu dipersalahkan kerana membawa “bencana” kepada Jepun pada tahun 1945. Oligarki Meiji sedar perlunya sesuatu yang dapat meninggikan semangat nasionalisme dan untuk membina sebuah masyarakat yang kukuh dan dapat mengawal kemasukan pengaruh negatif dari barat. Maka, satu ideologi rasmi yang dikenali sebagai Kokutai. Kokutai membentuk sebuah masyarakat yang berpusatkan kepada Institusi Maharaja.⁷⁴ Pemimpin-pemimpin Meiji juga telah mewujudkan asas kerohanian bagi kerajaan dan masyarakat Jepun dalam bentuk Shinto negara yang menjadi agama rasmi tersebut. Dalam era Meiji, ajaran konfusian yang berkaitan dengan kesetiaan dan ketaatan kepada maharaja telah menguatkan ketenteraan Jepun, oleh itu tujuan utama kerajaan Meiji iaitu “*Fukoku Kyohei*” (sebuah negara yang kaya dan tentera yang kuat) tercapai. Penglibatan Jepun di dalam peperangan telah membawa akibat yang tidak dijangkakan oleh bangsa Jepun setelah mengalami kekalahan di dalam perang dunia kedua.

⁷³ [www. Guide to Japan. Com / Festivals.Japan. htm](http://www.Guide to Japan. Com / Festivals.Japan. htm)

⁷⁴ www. Guide to Japan. Com / Festivals.Japan. htm

Mungkin dari sudut ideologi pemikiran tentang maharaja itu Tuhan telah tiada lagi, tetapi apa yang masih kekal ialah sebuah Institusi Diraja yang masih menjadi simbol perpaduan rakyat Jepun. Selagi ada institusi ini, ternyata kesetiaan mereka kepada maharaja masih kuat hasil daripada pengaruh-pengaruh agama di dalam pemikiran mereka. Pergerakan sosial di Jepun bermula dari Kristianiti. Di mana Kristianiti mengajar tentang menyayangi jiran serta kesamarataan. Dari sinilah bermulanya kemunculan kesatuan sekerja. Pemikiran orang Jepun dipengaruhi oleh Kristianiti misalnya aktiviti-aktiviti masyarakat Jepun membawa usul ke parlimen tentang “gerakan kebebasan dan hak-hak asasi”.⁷⁵ Pemikiran yang dipengaruhi oleh agama Kristian merupakan pemikiran-pemikiran moden berbanding dengan pemikiran yang dipengaruhi oleh agama-agama dari tamadun China. Percampuran pemikiran politik tradisional dan moden telah membentuk politik Jepun kini dan menjamin kestabilan politik orang Jepun.

4.1.3 Aspek Ekonomi

Bushido (kod samurai) merupakan faktor penting menerapkan nilai-nilai dan etika pada zaman Tokugawa dan Jepun moden. Ini disebabkan oleh Bushi atau samurai membentuk nilai-nilai etika pada zaman Tokugawa dan seterusnya nilai-nilai ini masih lagi kekal pada orang Jepun Moden. Sifat rajin dan berjimat cermat adalah sebahagian daripada ajaran Bushido. Sifat-sifat ini digalakkan untuk menyeimbangkan dan menstabilkan ekonomi. Sememangnya samurai tidak terlibat secara langsung dalam bidang ekonomi, namun begitu etika ekonomi samurai penting kerana dua faktor. Faktor yang pertama, ia memberi kesan kepada etika yang berkaitan dengan ekonomi pada

⁷⁵ www.Guide to Japan.com / Festivals.Japan.htm

zaman Tokugawa. Yang kedua, ia mempegaruhi tingkah laku sebahagian besar samurai yang memimpin perniagaan dan industri pada zaman Meiji. Sifat-sifat inilah yang banyak membantu pembinaan bangsa Jepun. Zen Buddhisme juga tidak kurang pengaruhnya di dalam ekonomi orang Jepun. Pada zaman Ashikaga (1392-1573), Zen menekankan kepada kerja dan kurang menekankan sifat meminta-minta. Sikap berjimat cermat di dalam komuniti Zen diutamakan.

Para pemikir konfusian melihat perhubungan terus antara ekonomi dengan moral. Perhubungan ini memerlukan politik bagi menemukan kedua-dua unsur tersebut. Ajaran konfusian menekankan kepada moraliti di dalam aspek ekonomi tetapi sukar untuk diamalkan oleh orang biasa. Di dalam polisi ekonomi konfusian ada dinyatakan; penggalakkan pengeluaran dan kurang menggalakkan pembelian “dalaman” dan “luaran”. Bentuk “dalaman” ialah mengawal keinginan dan “luaran” pula ialah mengawal perbelanjaan. Bagi memastikan polisi ini berjalan dengan lancar beberapa peraturan dikenakan oleh pihak pemerintah Tokugawa kepada rakyat seperti golongan petani tidak dibenarkan membeli teh atau sake, menggunakan daun gugur sebagai bahan api untuk menjimatkan perbelanjaan, menjimatkan makanan dan lain-lain lagi.

Penekanan terhadap konsep bertekun dan berjimat cermat yang lahir daripada ekonomi abad ke-17 ini telah membentuk satu falsafah yang menekankan kebaikan moral bagi orang yang bekerja kuat, maka rakyat sanggup bekerja bertungkus lumus tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Ini memupuk semangat kesetiaan kepada syarikat, hasilnya mutu pekeja meningkat. Pemikiran orang Jepun yang berkecenderungan hidup

berkumpulan menyebabkan mereka dikenali sebagai “orang organisasi”. Orang organisasi telah memainkan peranan penting dalam perkembangan industri Jepun. Orang organisasi ini sangat setia kepada organisasi mereka dan sangat mahir dalam pengurusan kelompok dan perhubungan sesama manusia.

4.2 JEPUN DI ERA GLOBALISASI

Sumbangan Jepun kepada Asia dalam mengatasi krisis ekonomi yang berlaku di Asia dapat diperhatikan melalui langkah-langkah yang diambil oleh Jepun. Misalnya bantuan sebanyak \$44 billion sehingga julai 1997 yang diumumkan oleh kerajaan Jepun. Selain itu, pada tahun 1998 jepun mengumumkan untuk memberi pakej bagi menangani krisis kewangan Asia yang bernilai lebih kurang 30 billion di mana 15 billion akan dijalankan untuk keperluan kewangan untuk jangka masa sederhana dan panjang untuk pemulihan ekonomi di negara-negara Asia. Manakala jumlah 15 billion lagi akan digunakan untuk keperluan jangka pendek semasa proses melaksanakan pemulihan ekonomi. Bantuan ini diberikan sebagai tambahan kepada bantuan sebelumnya iaitu 44 billion. Jepun telah menghantar misi ke negara-negara yang berkaitan untuk menjalankan tugas mereka. Sementara pada November 1998, Perdana Menteri Obuchi dan Presiden Clinton sama-sama mengumumkan sokongan kepada beberapa negara Asia yang menghadapi masalah dalam kewangan. Jepun dan Asia dengan bantuan Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia akan menyediakan \$5 billion untuk tujuan tersebut. Bantuan-bantuan yang disalurkan ini adalah termasuk dalam *Emergency Economic Package*.⁷⁶

⁷⁶ <http://www.Mofa.Go.Jp/Region/Asia-Paci/Asean/Pmv981/Relation.html>.

4.3 PERANAN JEPUN DI ALAF BARU

Hubungan Jepun dengan ASEAN juga dianggap penting. Jika dilihat dari latarbelakang sejarah, penglibatan Jepun secara besar-besaran di dalam ekonomi Asia Tenggara adalah kesan daripada pendudukan Jepun di Asia Tenggara. Selepas perang dunia ke-2, Jepun telah muncul sebagai satu kuasa ekonomi yang besar. Oleh kerana itu, Jepun menjalin hubungan ekonomi yang kukuh di kebanyakan negara terutamanya negara-negara ASEAN. Sebenarnya Jepun merupakan rakan perdagangan yang penting bagi ASEAN dan ASEAN pula adalah rakan kongsi yang utama bagi Jepun di Asia Tenggara. Jumlah perdagangan antara Jepun dengan negara-negara ASEAN berkembang secara stabil dengan corak perdagangan yang sama iaitu Jepun mengimport bahan mentah dari ASEAN dan mengeksport barang-barang perkilangan ke ASEAN. Antara bahan mentah yang diimport oleh Jepun dari ASEAN ialah mineral sebanyak 80 %, produk kayu-kayuan dan kertas sebanyak 21 %. Manakala barang-barang perkilangan yang dieksport adalah seperti bahan-bahan berasaskan besi 22 %, mesin-mesin 30 %, kenderaan 19 % dan produk-produk kimia 8 % dan sebanyak 31 % daripada jumlah eksport ASEAN adalah ke Jepun sementara 20 % daripada import ASEAN pula datang dari Jepun. Pada tahun 1990 pula, daripada keseluruhan perdagangan luar Jepun, jumlah perdagangan Jepun di ASEAN adalah bernilai 8,9613 trillion yen atau 11.9 % dan meningkat sebanyak 5,5351 trillion iaitu 14, 4964 trillion atau 15.8 %.

Selain perdagangan, Jepun juga mempunyai pelaburan yang banyak di setiap negara-negara ASEAN. Kebelakangan ini, Jepun memainkan peranan yang aktif dalam

pembangunan ekonomi di negara-negara ASEAN. Ini kerana ASEAN mahu Jepun mengimport lebih banyak barang-barang perkilangan dari ASEAN. Selain itu, ASEAN juga memerlukan pelaburan dan bantuan ekonomi untuk mempercepatkan perkembangan sektor industrinya. Dalam tahun 1986 dan 1992, kementerian perdagangan antarabangsa dan industri Jepun mendesak agar pengilang-pengilang di Jepun memindahkan sebahagian aktiviti pengeluarannya ke ASEAN sebagai cara untuk mengurangkan pergantungan perdagangan dengan barat sekaligus mempromosikan orientasi eksport wilayah-wilayah industri perkilangan. Kementerian perdagangan antarabangsa dan industri Jepun juga berusaha untuk membantu industri-industri perkilangan di ASEAN meningkatkan kualiti barang-barang keluaran agar dapat menembusi pasaran di Eropah.

Lawatan Perdana Menteri Jepun yang kerap ke Asia Tenggara merupakan petunjuk kepada hubungan politik yang erat antara Jepun dengan ASEAN. Selain daripada lawatan-lawatan itu, faktor lain yang menjurus kepada hubungan ini ialah pembangunan dalam aspek keselamatan. Sepanjang tahun 1999, Jepun berusaha untuk menjalinkan hubungan yang baru dengan ASEAN menjelang abad ke-21. ‘ASEAN Post Ministerial Conference’ (PMC) telah diadakan di Singapura pada bulan Julai 1999 dan Menteri Hal Ehwal Luar Jepun iaitu Masahiko Kaumura sebagai speaker di mesyuarat ASEAN 10 telah menghantar ucapan beliau. Dalam ucapan tersebut, beliau menekankan kepentingan sejarah kepada ASEAN 10, kepentingan menjamin keselamatan di ASEAN, meningkatkan kepentingan usaha memulih negara-negara ASEAN dan menitikberatkan komitmen yang aktif oleh Jepun dalam merangsang ekonomi ASEAN.

Seterusnya, berdasarkan mesyuarat Menteri Hal Ehwal Luar Jepun-ASEAN, Jepun menimbangkan ASEAN 10 sebagai rakan untuk keamanan Asia dan mengumumkan 'Commitment to Peace in Asia' sebagai penentu untuk mewujudkan keamanan di ASEAN dengan Asia. Dalam isu politik dan keselamatan di ASEAN, Jepun telah mengadakan dialog politik dan keselamatan di mana Jepun mempromosikan dialog kerjasama dalam isu ini. Perbincangan dalam ASEAN adalah melalui rangka kerja dua hala dengan negara Asia Tenggara. Ia juga merupakan perhatian pada dialog keselamatan dua hala dengan negara anggota ASEAN.⁷⁷

Ekonomi dan kebudayaan merupakan dua bidang yang saling berkaitan. Budaya merangkumi cara hidup, sistem pengetahuan yang berperanan dalam mengubah masyarakat. Ini kerana budaya adalah asas kepada pembinaan kehidupan manusia. Pembangunan dalam bidang ini menjadi cabaran yang perlu dihadapi oleh ASEAN dan Jepun. Setiap negara anggota ASEAN perlu menghormati budaya setiap negara anggota termasuklah Jepun sendiri. Oleh itu, Jepun turut menunjukkan minat yang tinggi dalam menggalakkan kerjasama dari aspek kebudayaan melalui sokongan dalam bentuk bantuan kewangan iaitu 'ASEAN Cultural Fund' yang telah dibentuk atas inisiatif Perdana Menteri Fukuda pada tahun 1978. Sektor awam dan swasta juga digalakkan agar bekerjasama dalam memastikan hubungan yang utuh antara negara ASEAN dan antara ASEAN dan Jepun.

Pada 16 Disember 1997, ketua negara-negara anggota ASEAN dan Jepun dalam mesyuarat kemuncak di Kuala Lumpur, mencapai kata sepakat untuk mengadakan

⁷⁷ <http://www.Mofa.Go.Jp/Region/Asia-Pacific/Asean/Pmv981/Relation.html>.

'Multinasional Cultural Mission' selaras dengan cadangan Perdana Menteri Hashimoto. Dari 8 Februari sehingga 2 Mac 1998, program ini telah dibahagikan kepada tiga kumpulan yang akan membuat lawatan ke seluruh negara ASEAN kecuali Singapura untuk bertukar-tukar pandangan serta pengetahuan tentang kebudayaan setiap negara. Seterusnya lawatan ke Jepun diadakan kepada 14 sehingga 17 April 1998 bagi menyambung mesyuarat yang diadakan di Tokyo dan Nikko yang membincangkan projek, program dan proposal yang sesuai untuk dilaksanakan dalam rangka pertukaran budaya di kalangan ASEAN.

Antara cadangan-cadangan atau syor-syor yang dibuat ialah :-

1. Dialog kebudayaan dan intelektual

Pertukaran kebudayaan sebagai cara untuk membangunkan identiti yang jelas sesebuah negara. Dialog kebudayaan negara-negara anggota ASEAN dan Jepun perlu melibatkan segenap lapisan masyarakat. Usaha seperti ini perlu mendapat sokongan kerajaan tetapi tidak dikuasai oleh pihak kerajaan. Pertukaran-pertukaran kebudayaan yang berteraskan komuniti dengan melibatkan penyertaan masyarakat tempatan haruslah diperkenalkan. Begitu juga dengan pelancongan yang berasaskan budaya perlu dibangunkan serta dimajukan agar masyarakat luar memahami dengan lebih mendalam tentang kebudayaan tempatan.

1.1 Pertukaran dari segi ilmu pengetahuan

Pertukaran dari segi ilmu pengetahuan perlu melibatkan semua bidang bukan hanya tertumpu kepada bidang pendidikan tetapi juga melibatkan masyarakat keseluruhannya. Perbincangan mengenai perkara ini boleh dilakukan melalui dialog-dialog yang diadakan di kalangan negara-negara ASEAN seperti simposium dan persidangan bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang intelektual. Pertukaran ini tidak hanya tertumpu kepada isu-isu kontemporari tetapi juga melibatkan ilmu-ilmu falsafah, bahasa dan bidang-bidang lain yang menarik untuk diterokai bersama. Dengan ini kerjasama di kalangan ASEAN akan dapat dieratkan. Dialog-dialog yang diadakan juga tidak hanya tertakluk pada bidang yang melibatkan pengetahuan tetapi lebih luas yang turut membincangkan isu-isu sosial yang sama-sama dihadapi. Melalui dialog-dialog yang diadakan diharapkan masyarakat daripada pelbagai lapisan akan dapat sama-sama membincangkan isu-isu seperti identiti, krisis ekonomi, globalisasi dan sebagainya.

1.2 Mempromosikan sejarah negara-negara ASEAN

Setiap negara anggota perlulah mempunyai pengetahuan asas berkaitan sejarah budaya dan masyarakat setiap anggotanya. Bagi memenuhi keperluan ini, pendidikan memainkan peranan yang penting.

Institusi pendidikan perlu mewujudkan kefahaman di kalangan pelajar terutamanya yang berkaitan dengan sejarah sebuah negara terutamanya negara-negara ASEAN. Contohnya, Pengajian Asia Tenggara yang diwujudkan di Institusi Pendidikan Tinggi di kebanyakan negara-negara anggota ASEAN. Pertukaran pelajar di kalangan negara-negara ASEAN bagi memperluaskan pengetahuan pelajar. Memberi pendedahan tentang geografi, budaya dan sejarah sesebuah negara.

2. Perancangan yang melibatkan warisan

Strategi-strategi yang dilakukan oleh kerajaan untuk pembangunan kebudayaan haruslah dibentuk dalam pelbagai bidang sebagai suatu keperluan masyarakat. Polisi-polisi yang berkaitan dengan pembangunan budaya perlu diadakan dan ditetapkan di kalangan negara-negara ASEAN melalui penyelidikan.⁷⁸

2.1 Institusi Kebudayaan

Jaringan kerjasama yang melibatkan pertukaran di kalangan institusi kebudayaan mempertimbangkan jaringan kerjasama yang melibatkan pertukaran kebudayaan di kalangan negara-negara ASEAN dan Jepun. Ini dapat dilakukan melalui kerjasama organisasi-organisasi antarabangsa dan tempatan yang melibatkan pengetahuan dan asas

⁷⁸ <http://www.Mofa.Go.Jp/Region/Asia-Pacific/Asean/Pmv981/Relation.html>

kebudayaan setiap negara. Institusi ini juga perlu mengambil kakitangan dari pelbagai negara khususnya dalam membuat penyelidikan supaya kajian yang dijalankan lebih menyeluruh.

2.2 Peranan badan bukan kerajaan

Badan-badan bukan kerajaan mempunyai peranan yang penting dalam membangunkan aspek kebudayaan khususnya dalam memahami dan menginterpretasikan warisan budaya yang ada. Penyediaan peruntukan dari segi kewangan untuk pembangunan kebudayaan dan mengadakan simposium serta persidangan untuk membincangkan isu-isu kebudayaan terutamanya yang melibatkan warisan-warisan kebudayaan.

3. Pendidikan kebudayaan dan pembinaan pengetahuan

3.1 Pembangunan sumber manusia

Pembangunan sumber manusia dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kebudayaan harus dikembangkan melalui kerjasama dalam bidang-bidang tertentu contohnya bidang pengurusan warisan, pemulihan fizikal dan pendidikan kesenian. Sumber-sumber warisan perlu dikenal pasti dan diselenggarakan untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan.

3.2 Mengekalkan ciri-ciri kehidupan tradisional

Pengetahuan yang tinggi tentang bahasa dan budaya di kalangan pelajar-pelajar perlu dipertingkatkan terutamanya dalam Institusi Pendidikan melalui program pemindahan budaya. Ini akan memberi pengetahuan dan pengalaman terutamanya kepada pelajar dan guru. Guru juga memainkan peranan yang penting dengan memberi pendedahan mengenai budaya sebagai satu cara hidup yang tidak harus dilupakan.

4. Media dan penyebarannya

4.1 Penyebaran yang efektif dalam pencapaian dan sumber kebudayaan

Pembangunan dalam atlas kebudayaan negara-negara ASEAN dipertingkatkan. Kerjasama dalam penerbitan dan pembuatan filem yang berkaitan dengan kebudayaan yang memaparkan tentang sejarah dan budaya antara negara-negara ASEAN dan Jepun. Mewujudkan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan Jepun turut memainkan peranan yang penting dalam proses interaksi itu. Oleh itu, Korea menjadi negara perantara dalam proses interaksi China dan Jepun.

5. Peranan Jepun Dalam Isu Global Di Negara Anggota ASEAN

Antara isu yang memperlihatkan peranan jepun dalam menangani isu-isu global di kalangan negara-negara anggota ASEAN ialah seperti :-

5.1 Kebakaran hutan

Langkah yang diambil oleh kerajaan Jepun ialah memberi bantuan kewangan sebanyak 9.05 juta yen kepada Malaysia dan 8.6 juta yen kepada Indonesia.

5.2 Pemulihan hutan

Pada tahun 1993, Jepun telah menubuhkan 'Acid Deposition Monitoring Network in East Asia'. Mesyuarat pertama diadakan pada 1998 di mana negara-negara anggota bersetuju secara rasmi akan memulakan operasi pada pertengahan tahun 2000 untuk membentuk organisasi sementara yang berpusat di Nigata Jepun.

5.3 Pelancongan

Pusat jaringan pelancongan untuk Jepun Asia ditubuhkan pada bulan Januari 1997. Pusat ini akan menyediakan kemudahan untuk bertukar-tukar

pandangan dan maklumat antara Jepun dan negara anggota ASEAN dalam bidang pelancongan. Pada bulan Oktober 1997 satu persidangan telah diadakan di Tokyo dengan disertai oleh pegawai-pegawai polis dan Menteri Luar Jepun serta 9 negara ASEAN.

5.4 Isu dadah

Program kawalan dadah oleh PBB di mana Jepun memberi sumbangan dalam program pembasmian dadah di negara-negara ASEAN.

5.5 Pertubuhan Jenayah Antarabangsa

Mesyuarat menteri-menteri wilayah ASEAN dalam isu-isu jenayah antarabangsa diadakan di Manila pada bulan Mac 1998 sebagai sebahagian daripada aktiviti PBB. Perbincangan diadakan dalam usaha untuk mencapai kata sepakat berkaitan dengan jenayah antarabangsa yang berlaku di wilayah-wilayah ASEAN.